

## **FAKTOR DALAMAN YANG MENDORONG PERLAKUAN SEKS LUAR NIKAH DALAM KALANGAN REMAJA**

### **INTERNAL FACTORS CONTRIBUTING TO PREMARITAL SEXUAL BEHAVIOR AMONG ADOLESCENTS**

**Mahathir Yahaya<sup>1</sup>**

**Azlinda Azman, Ph.D, Professor<sup>2</sup>**

**Masarah Mohamad Yusof, PhD<sup>3</sup>**

**Farhana Kamarul Bahrin, PhD<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> PhD, Social Work Programme, School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, Malaysia  
Email: mahathiryahaya@usm.my

<sup>2,3,4</sup> Social Work Programme School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, Malaysia.

<sup>1</sup>Mahathir Yahaya merupakan pensyarah kerja sosial di Universiti Sains Malaysia. Bidang kajian beliau adalah kerja sosial komuniti, kerja sosial sekolah, seksualiti remaja.

**Accepted date:** 13-10-2018

**Published date:** 15-09-2019

**To cite this document:** Yahaya, M., Azman, A., Mohamad Yusof, M., & Kamarul Bahrin, F. (2019). Faktor Dalaman Yang Mendorong Perlakuan Seks Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *Journal of Islamic, Social, Economic and Development (JISED)*, 4(23), 87 - 96.

**Abstrak:** Kajian berbentuk kualitatif ini adalah untuk mengkaji faktor kepada tingkah laku seks luar nikah dalam kalangan remaja. Perlakuan seks luar nikah dalam kalangan remaja bukanlah satu isu yang baharu malah semakin meningkat dan menular sejak kebelakangan ini. Statistik menunjukkan bahawa 27 peratus remaja hari ini melakukan hubungan seks sebelum menikah seterusnya melahirkan anak di luar nikah. Pada tahun 1999 hingga 2003, perangkaan mengenai jumlah kanak-kanak yang belum matang adalah 70,430. Walau bagaimanapun, daripada jumlah itu, negeri Selangor telah mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 12,826 orang. Seramai 10 responden dari Hospital Kajang, Selangor telah dipilih melalui persampelan purposive. Penyelidik menggunakan kaedah perbandingan konstan bagi tujuan analisis data. Penemuan kajian menunjukkan bahawa faktor dalaman seperti tekanan hidup, pengalaman hidup dan kurang pendidikan agama serta amalannya telah menyumbang kepada tingkah laku.

**Kata Kunci:** Seks Luar Nikah, Faktor Dalaman, Remaja.

**Abstract:** This qualitative study examined factors that contribute to the premarital sexual behaviours among adolescents. Sexually explicit sexual behavior among adolescents is not a new issue but has been increasing and spreading lately. Statistics show that 27 percent of adolescents today have sex before marriage to give birth to a child out of wedlock. In 1999 to 2003, statistics on the number of out-of-date children were 70,430. However, of the total, Selangor has recorded the highest number of 12,826 people. A total of 10 respondents from Hospital Kajang, Selangor have been selected through purposive sampling. Researchers used the constant comparative method for data analysis. The study found that the internal factors

*such as life stress, life experiences and less religious education and its practice has somewhat contributed to the behaviours.*

**Keywords:** Prematial Sex, Internal Factor, Adolescent.

---

## Pengenalan

Perlakuan seks luar nikah dalam kalangan remaja bukanlah satu isu yang baru malah semakin meningkat dan menular sejak kebelakangan ini. Zaman yang semakin maju memperlihatkan banyak keruntuhan moral remaja terutamanya dalam salah laku seks ini. Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan adalah faktor permulaan yang mendorong kepada remaja terjebak dengan masalah ini. Kelab-kelab malam, hotel dan percutian bersama adalah medium para remaja untuk melakukan seks luar nikah. Penglibatan remaja dalam aktiviti ini telah meningkatkan kelahiran anak luar nikah. Pada tahun 1999 sehingga 2003, statistik bilangan anak luar nikah adalah seramai 70,430 orang. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, negeri Selangor telah mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 12,826 orang (Utusan Malaysia, 16 September 2010). Fenomena kelahiran anak luar nikah ini adalah rentetan daripada aktiviti seks luar nikah yang kebanyakannya dilakukan oleh golongan remaja. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Hashim, Khairulhelmi, Mohd Helmi dan Syed Mohamed Syafeq (2008) yang menunjukkan sebanyak 27 peratus remaja pada hari ini mengadakan hubungan seks sebelum bernikah sehingga melahirkan anak luar nikah. Perkara ini menyumbang kepada masalah pembuangan bayi yang semakin menular di negara kita. Statistik kes pembuangan bayi dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan 396 kes dicatatkan dari 2005 hingga 2011. Ia menunjukkan trend peningkatan walaupun ada penurunan pada 2007. Sebanyak 67 kes dilaporkan pada 2005, 83 kes pada 2006. Namun, menurun kepada 65 kes pada 2007, 102 kes pada 2008, 79 kes pada 2009 dan 91 kes pada 2010 (Utusan, 2011).

Masalah tingkah laku seks sebelum nikah ini juga berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sehingga menyebabkan kehamilan. Kesannya, golongan remaja ini memilih untuk mendiami rumah perlindungan bagi menyembunyikan diri dan kandungan mereka daripada pengetahuan keluarga masing-masing (Maszlee & Hamidah , 2007). Pada 7 Julai 2010, akhbar berita harian pernah melaporkan kajian yang dilakukan oleh Mazlin Mohamad Mokhtar salah laku seks di dua buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan dua Institusi Pengajian Tinggi Awam. Kajian tersebut mendapati bahawa 50 peratus daripada 727 responden pernah terjerumus dalam perlakuan seks sebelum bernikah. Lebih mengejutkan lagi, apabila kajian tersebut mendapati pelajar yang berumur lingkungan 18 hingga 24 tahun adalah responden paling aktif melakukan seks sebanyak 121 kali setahun atau tiga kali seminggu (Mohd Yusof & Sugiman, 2011). Fenomena ini amat membimbangkan memandangkan golongan remaja adalah pelapis negara. Maka wajarlah semua pihak bersikap prihatin apabila berhadapan dengan masalah ini dan cuba memahami mengapaakah remaja boleh melibatkan diri dalam perlakuan tersebut. Oleh itu, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor dalaman yang mendorong remaja terlibat dalam hubungan seks sebelum bernikah.

## Kaedah Penyelidikan

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan rekabentuk kajian kes. Oleh sebab deskriptif, maka analisis telah dibuat berdasarkan maklumat daripada responden dan kefahaman pengkaji serta diterjemahkan dalam bentuk penulisan. Kajian ini juga menggunakan persampelan bertujuan bagi mendapatkan responden yang memenuhi

keperluan kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada sepuluh (10) orang remaja yang terlibat dengan kes seks luar nikah yang telah dilaporkan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Kajang, Selangor. Responden-responden yang dipilih adalah terdiri daripada remaja yang sudah mengandung dan melahirkan anak luar nikah di Hospital Kajang. Mereka adalah dalam kalangan berumur diantara 19 tahun sehingga 24 tahun yang mengakui telah melakukan seks luar nikah atas kerelaan sendiri dan bukannya atas paksaan dan diperkosa. Pemilihan responden adalah berdasarkan fail yang dirujuk oleh pengkaji di mana pengkaji telah dibenarkan membuka kesemua fail responden yang terlibat dengan kes ini.

Pengkaji kemudian telah mengadakan lawatan ke rumah klien. Dua sesi temu bual telah dijalankan bagi setiap responden. Sesi yang pertama dijalankan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Kajang dan yang kedua dijalankan di rumah responden. Kesemua responden telah dimaklumkan bahawa data yang dikongsikan sepanjang sesi temu bual yang dijalankan adalah direkodkan dan bertujuan sebagai bahan kajian pengkaji. Selain itu, kesemua responden juga telah dimaklumkan dari awal bahawa identiti mereka adalah dirahsiakan bagi memastikan responden dapat memberikan jawapan dan maklumat yang diperlukan.

Bagi melancarkan proses penganalisaan, kesemua data yang diperoleh ditranskripkan ke bentuk skrip temu bual. Bagi memastikan penganalisaan data dilakukan dengan lebih sistematik dan tepat, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis bertema semasa penganalisaan data.

Melalui kaedah ini, tema-tema yang terhasil bagi setiap persoalan kajian dipindahkan kepada satu jadual matrik mengikut persoalan dan responden kajian. Penggunaan jadual matrik ini akan memudahkan proses penganalisaan data di samping membantu penyelidik membuat perbandingan tema-tema yang terhasil untuk setiap persoalan kajian bagi setiap responden. Semua data terkumpul dianalisis secara deskriptif.

### **Latar Belakang Demografi**

Seramai sepuluh (10) orang responden yang merupakan remaja lingkungan umur 16 hingga 24 tahun yang dilaporkan di Hospital Kajang, Selangor yang telah melakukan seks luar nikah telah ditemu bual dengan mendalam. Berikut adalah dapatan kajian berhubung ciri-ciri latar belakang responden.

**Jadual 1: Latar belakang Responden**

<b>Responden</b>	<b>Umur</b>	<b>Bangsa</b>	<b>Jangka masa Penglibatan</b>	<b>Status Pendidikan</b>
R1	20	Melayu	6 Tahun	IPTA
R2	18	Melayu	3 Tahun	IPTA
R3	16	Melayu	1 Tahun	Sekolah
R4	17	Melayu	6 Tahun	Sekolah
R5	18	Melayu	7 Tahun	IPTA
R6	24	India	7 Tahun	IPTA
R7	18	Cina	2 Tahun	IPTA
R8	20	Melayu	4 Tahun	IPTA
R9	17	Cina	1 Tahun	Sekolah
R10	17	India	1 Tahun	Sekolah

**Nota : IPTA = Institiut Pengajian Tinggi Awam**

## **Hasil dan perbincangan**

### **Faktor Dalaman**

Hasil kajian mendapati faktor dalaman yang mempengaruhi remaja terlibat dalam perlakuan seks luar nikah meliputi tekanan, pengalaman dan didikan agama. Terdapat empat (4) orang responden yang mengakui bahawa tekanan menjadi faktor dalaman mereka bagi melakukan seks luar nikah, iaitu R1, R2, R5 dan R8 yang mewakili 40% daripada keseluruhan responden. Bagi faktor pengalaman pula, hanya seorang responden sahaja yang bersetuju bahawa faktor tersebut telah mendorongnya untuk melakukan seks luar nikah, iaitu R3 yang mewakili 10% dan 30% (R3, R4 dan R7) mengatakan kekurangan didikan agama sebagai penyebab yang mendorong mereka melakukan seks luar nikah ini.

**Jadual 2 Faktor Dalaman Responden\**

Faktor/(n)	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8	R9	R10	Peratusan%
Tekanan (n=4)	√	√			√			√			40%
Pengalaman (n=1)			√								10%
Agama (n=3)			√	√			√				30%

**Nota:** R= Responden

N= Bilangan Responden

### **Faktor Tekanan**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati tekanan yang dihadapi oleh responden telah mempengaruhi mereka melakukan seks luar nikah. Terdapat empat (4) orang daripada sepuluh responden (R1, R2, R5, R8) yang mewakili 40% mengatakan salah satu punca mereka melakukan seks luar nikah adalah kerana tekanan yang dihadapi. Ia merujuk kepada tekanan kehidupan setiap hari. Tekanan ini disebabkan oleh konflik dengan ibu bapa dan keluarga atau tekanan kerana kurangnya perhatian daripada ibu bapa dan keluarga.

*“ Memang ibu bapa saya seorang yang sibuk bekerja dan keperluan saya tidak pernah berkurangan. Tapi saya lebih suka mereka selalu ada dengan saya. Dah berapa lama kami tak keluar bersama-sama satu keluarga. Saya lebih banyak menghabiskan masa dengan kawan-kawan dan boyfriend saya. Lebih rasa sedih lagi bila tengok kawan-kawan saya keluar bersama keluarga mereka. boyfriend saya tu lah tempat saya luahankan tekanan saya ni.”*

*Responden satu (R1)*

*“ Saya pernah cakap kat ibu yang saya mahu mereka selalu bersama saya jika saya balik kerumah. Ini tidak, kalau saya balik rumah bercuti keluarga saya pasti tak ada dirumah. Tengah malam baru saya jumpa. Memang saya tak suka dan tertekan sebab saya perlukan mereka. Tapi ibu kata dia dah bagi duit untuk saya tak boring.”*

*Responden Dua (R2)*

*“Sememangnya saya mewah. Mak ngan ayah memang selalu bagi duit kepada saya. Tapi itu sahaja tak cukup. Saya bosan dengan keluarga, dah bertahun-tahun macamni. daripada saya duduk rumah baik saya keluar dengan boyfriend. Sebab terlalu bosan duduk rumah saya tak balik umah. Lepak ngan boyfriend je.”*

*Responden Lima (R5)*

*“ kadang-kadang saya peliklah kenapa ibu bapa saya percaya sangat dekat saya. Saya tak balik rumah pun mereka tak cari saya. Saya tidur rumah boyfriend, masa cuti semester, tapi diorang seolah-olah tidak bimbang dengan saya. Saya marah jugalah dengan keluarga saya, saya ni macam tak wujud je. Apa yang diorang tahu bagi duit je tiap-tiap bulan.”*

*Responden Lapan (R8)*

Hasil kajian mendapati sebanyak 40% responden menyatakan salah satu punca yang menyebabkan mereka terjebak dengan perlakuan seks luar nikah ini adalah disebabkan oleh tekanan terhadap keluarga. Responden-responden ini mempunyai tekanan terhadap keluarga mereka yang sering sibuk dengan pelbagai komitmen dan tugas harian. Dapatkan kajian menunjukkan remaja yang bertingkah laku anti sosial biasanya kurang diberi perhatian oleh keluarga mereka (Steinberg, 2001). Seperti R1, R2 dan R5 sememangnya menyatakan mereka tertekan apabila sering mendapati ibu bapa mereka yang tiada di rumah kerana keluar bekerja. Perasaan tertekan ini dipulihkan apabila pasangan masing-masing mengajak mereka melakukan aktiviti-aktiviti yang mendorong kepada perlakuan seks. Ini menunjukkan tekanan yang dihadapi oleh seseorang remaja bermula daripada rumah dan ia akan membentuk tingkah laku (Khalim 2004).

Suasana keluarga yang tidak harmoni, tanpa kasih sayang daripada ibu bapa akan mendorong remaja mencari kebahagian dan keseronokkan di luar rumah bersama pasangan masing-masing. Perkara ini sedikit sebanyak mendorong mereka untuk melakukan seks kerana dengan pergaulan tidak terbatas dan perasaan kecewa terhadap keluarga akan membuatkan responden keluar mencari hiburan dengan teman yang dapat memenuhi

kesunyian mereka. Ini kerana di peringkat remaja, golongan ini sering mengikut nafsu dan kehendak (*Id*) tanpa memikirkan implikasi daripada tingkah laku yang dilakukan. *Id* merupakan bahagian personaliti tidak sedar yang menekankan tentang kepuasan serta-merta dan mahukan keseronokan yang maksimum. *Id* juga merangsangkan individu untuk mempunyai kehendak seks, makan, minum dan pelbagai perkara yang boleh memuaskan keperluan manusia (Freud, 1962). Teori Psikonalisis ini bertepatan dengan situasi responden yang tertekan dan sedih terhadap keluarga yang sibuk bekerja sehingga melupakan tanggungjawab kepada responden. Menurut Thompson (2008), seseorang remaja akan menjadi lebih positif jika zaman kanak-kanaknya mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapa. Apabila diperingkat kanak-kanak telah diasuh dan dididik dengan sempurna maka diperingkat remaja seseorang itu akan menunjukkan tingkah laku yang baik.

### **Faktor Pengalaman Trauma**

Faktor pengalaman trauma di dalam kehidupan seseorang remaja itu juga memainkan peranan kepada perlakuan seks luar nikah. Ini kerana jika sesuatu pengalaman dan trauma yang dihadapi oleh seseorang remaja ia akan mempengaruhi tindakan dan keinginan

seseorang itu. Berdasarkan temu bual bersama responden terdapat hanya seorang responden (10%) yang mempunyai pengalaman trauma dalam kisah hidupnya.

*“Sejak dari dulu saya bukanlah pelajar yang dikenali ramai. Mungkin sebab badan saya berisi dan saya sedar saya tak berapa cantik macam kawan-kawan saya yang lain. Tapi diorang tak adalah membezakan kecantikan diorang tu. Cuma saya teringin nak ada pasangan yang saya minat macam diorang. Masa saya tingkatan dua, saya pernah suka kat seorang pelajar lelaki tingkatan 6 ni. Kami selalu berjumpa, kami pernah terlanjur. Saya kami dah couple tapi dia hanya anggap saya macam adik angkat je. Selepas tu dia sambung belajar di universiti. Saya tak pernah berjumpa dia langsung sampai harini. Sekarang saya dah ada boyfriend dan tak ada masalah untuk saya lakukan seks ni dengan dia. Memang kami nak kahwin.”*

### *Responden Tiga (R3)*

Daripada hasil kajian mendapati sebanyak 10% responden (R3) menyatakan pengalamannya pada masa lampau mempengaruhi dirinya untuk terjebak dalam kancah maksiat. Responden 3 telah menceritakan pengalamannya yang sudah terlanjur dengan rakan lelakinya ketika berumur 14 tahun. Akibat daripada keterlanjurannya, responden 3 menggunakan pengalaman tersebut dalam percintaan bersama teman lelaki barunya. Kajian Azizi (2008), yang bertajuk “Pembentukkan Personaliti Remaja” mengatakan selain faktor rakan sebaya, emosi, pengaruh keluarga, sekolah dan budaya setempat, seseorang remaja akan terbentuk sosialnya berdasarkan pengalamannya yang dilalui. Ini menunjukkan faktor pengalaman seseorang mampu mempengaruhi perlakuan seks luar nikah. Jika dilihat daripada jawapan responden 3 juga mengatakan kehendak dan keinginan untuk berpasangan seperti rakan-rakan lain juga wujud dalam dirinya. Situasi responden ketika memerhati rakan-rakannya berpasangan juga dianggap satu pengalaman. Ini disokong oleh teori pembelajaran sosial diasaskan oleh Albert Bandura yang menyarankan bahawa dalam proses interaksi antara manusia, peniruan berlaku, dan ini menghasilkan pembelajaran (Bandura, 1977). Apabila responden melalui pengalaman ketika memerhati rakan-rakannya itu juga telah mendorong responden 3 terjebak dalam perlakuan seks luar nikah. Terdapat dua pengalaman

yang dikenal pasti oleh pengkaji iaitu pengalaman keterlanjuran bersama teman lelakinya dan pengalaman memerhatikan rakannya mempunyai pasangan masing-masing dan membuatkan dirinya berkeinginan (id) untuk bercinta. Kedua-dua pengalaman ini adalah punca responden 3 melakukan seks luar nikah. Oleh yang demikian , pengkaji melihat bahawa pengalaman trauma penderaan yang dilalui oleh responden juga merupakan salah satu faktor yang mendorong perlakuan seks luar nikah dalam kalangan remaja. Ini mungkin kerana kejadian atau pengalaman yang lampau membuatkan responden terjebak dan meneruskan salah laku seks.

### **Faktor Didikan Agama**

Seperti yang telah diketahui, agama merupakan aspek utama yang menggambarkan identiti seseorang individu itu. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa rata-rata responden yang ditemu bual majoritinya adalah beragama Islam. Dengan adanya asas agama yang teguh, remaja tidak akan sewenang-wenangnya terjerumus kepada perkara yang tidak baik. Hampir 30% responden yang ditemu bual menyatakan bahawa kurangnya didikan agama menyebabkan mereka melakukan perbuatan zina ini. Antara pernyataan yang direkodkan termasuklah :

*“ Pasal bab agama saya tak berapa pandai sebab tu saya tak tahu perlu ke tak buat solat taubat. Saya tak belajar. Saya tak tau solat tu macam mana..”*

*Responden ketiga (R3)*

*“Saya solat tapi at the same time saya berzina. Mungkin saya rasa saya sembahyang Cuma sebab mak suruh, tapi saya sendiri tak tahu kenapa saya perlu sembahyang.”*

*Responden keempat (R4)*

Penyataan di atas menunjukkan bahawa responden tahu tentang agama dan memahami hukum, dosa dan pahala tetapi mereka masih melakukan kesalahan tersebut. Pengkaji mendapati responden tidak mempunyai didikan agama yang sempurna. Oleh itu, mereka masih melakukan zina sedangkan mereka tahu bahawa melakukan hubungan seks tanpa ikatan yang sah adalah dosa besar. Ilmu agama dalam diri responden perlu dipertingkatkan lagi agar mereka sedar bahawa kesalahan yang mereka lakukan ini merupakan kesalahan yang besar di sisi agama.

Seperti dalam kenyataan responden 3, beliau mengaku bahawa beliau tidak arif dalam hal-hal agama. Beliau beragama Islam tetapi beliau tidak mengetahui bagaimana untuk melakukan solat taubat. Kurang pendidikan ilmu agama juga boleh mendorong individu terjebak dalam perlakuan seks luar nikah. Faktor utama yang boleh menyekat seseorang daripada melakukan kejahatan adalah iman. Hanya dengan adanya iman, mereka akan takut kepada Allah . Dengan iman, seseorang itu boleh mengawal diri mereka daripada melakukan perkara yang melangkaui batas agama (Kasimin, 2002). Ini kerana seseorang yang beragama Islam haruslah berpegang kepada prinsip rukun Islam dan rukun Iman. Keimanan yang terdapat dalam diri menjadi asas kepada pembentukan sahsiah diri dan identiti diri setiap individu. Rasa berdosa, ingin bertaubat dan rasa menyesal antara pengakuan yang dinyatakan oleh responden apabila mereka sedar perbuatan zina ini akan mendapat hukuman yang berat di akhirat kelak. Ini dapat dibuktikan dengan penyataan responden seperti berikut:

*“Menyesal itu ada tapi orang kata nak menyesal pon tak guna. Selepas melakukan baru saya rasa apa yang saya tengah buat nie. Berdosa gila! Tapi orang kata damage have been done. Tapi lepas tu buat gak..”*

*Responden ketiga (R3)*

*“Menyesal lah. Kadang-kadang bila duduk seorang terfikir. Macam mana kalau Allah balas atas dosa-dosa ini kan tapi saya tak berani nak cakap suruh stop ke apa Cuma selalu bagi hint jumlah kahwin..”*

*Responden keempat (R4)*

Dari penyataan responden, ternyata mereka menyesal dengan perbuatan mereka tetapi penyesalan yang dirasai itu hanya seketika. Oleh itu, pentingnya agama dalam diri seseorang itu kerana salah satu punca berlakunya gejala ini bersangkut paut dengan kegagalan responden dalam mengawal hawa nafsu dan godaan. Dengan adanya penerapan nilai murni dan agama, akan membantu seseorang remaja menjauhi tingkah laku seks yang tidak bermoral (Morris, Young & Jones, 2000).

Selain itu, kajian ini juga melibatkan responden daripada agama lain iaitu daripada agama Buddha dan Kristian. Responden 7 yang menganut agama Buddha menyatakan bahawa hubungan seks luar nikah ini tidak haram di sisi agama mereka tetapi mereka juga tidak menggalakkan perbuatan tersebut. Ini dapat dibuktikan dengan penyataan responden seperti berikut

*“..Dalam agama saya ,tak dak apa yang haram tapi dia ada apa yang digalakkan and apa yang tak digalakkan. Bagi seks ini, dalam agama saya tak digalakkan masa you sebelum kawen..”*

*Responden ketujuh (R7)*

Daripada pernyataan responden 7, beliau menyatakan bahawa agama Buddha tidak mengharamkan seks luar nikah tetapi perlakuan ini tidak digalakkan dan dipandang buruk oleh penganut agama Buddha. Ini menyebabkan mereka tidak memandang serius terhadap masalah ini.

Secara keseluruhan sebanyak 30% responden mengakui antara faktor mereka terlibat dalam perlakuan seks luar nikah ini adalah kerana kurangnya pendidikan agama yang kuat. Kebanyakan mereka menyedari bahawa mereka sememangnya kekurangan ilmu agama. Mereka juga mengetahui bahawa tindakan mereka yang mengikut nafsu adalah salah disisi agama. Hal ini disokong oleh Meschke, Bartholomae dan Zentall (2000) yang mengatakan nilai agama sangat penting dalam menawal tingkah laku tidak bermoral seperti mengadakan hubungan seks sebelum bernikah. Walaupun pendekatan agama boleh didapati di sekolah atau dipersekitaran mereka, tetapi kebanyakan responden menyedari bahawa mereka tidak mengambil kesempatan yang ada untuk mendalami ilmu agama.

Ada juga responden yang menyalahkan keluarga mereka yang tidak menitikberatkan ilmu agama sebagai faktor yang menyebabkan kerosakan akhlak mereka. Ini memperlihatkan bahawa kekurangan pengetahuan agama dalam keluarga menyebabkan masalah sosial berlaku.

Dapatkan ini disokong oleh Zulkifly (2006), masyarakat dan ibu bapa kurang mementingkan pendidikan agama sehingga menjaskan hubungan kekeluargaan.

Dengan keretakan hubungan ini, akan wujud perselisihan faham serta konflik antara mereka. Bagi anak-anak remaja yang mempunyai masalah ini, ia akan menjadikan ia sebagai batu loncatan untuk keluar berhibur bersama rakan dan akhirnya mendorong kepada perlakuan seks luar nikah kerana tiada kawalan daripada ibu bapa mereka. Sebaliknya jika ibu bapa tersebut mementingkan pendidikan agama, secara tidak lansung hubungan mereka dengan anak-anak khususnya di peringkat remaja akan lebih baik. Dengan wujudnya hubungan yang berlandaskan agama ini dapat menghindari anak-anak remaja mereka daripada terlibat dengan pelakuan seks sebelum nikah. Menurut Hashim et al (2008), menyatakan karakteristik remaja akan mempunyai masalah jika kurangnya pendidikan agama daripada ibu bapa mereka. Sebaliknya ibu bapa yang mementingkan pendidikan agama mampu menghalang anak remaja mereka daripada terdorong untuk melakukan sesuatu mengikut perasaan dan hawa nafsu kerana jiwa dan akal fikiran mereka akan sentiasa berada dalam keadaan terkawal dan bimbang jika melanggar perintah agama.

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulanya, terdapat tiga faktor dalam yang mendorong remaja terlibat dalam perlakuan seks bebas iaitu tekanan, pengalaman dan didikan agama. Responden tertekan dengan sikap ibu bapa dan keluarga yang tidak memberi perhatian kepada mereka sehingga mereka mencari keseronokan di luar dan ter dorong untuk melakukan seks luar nikah. Remaja memerlukan perhatian yang serius daripada keluarga mereka. Ibu bapa hendaklah meluangkan masa berkomunikasi dengan responden agar dapat mengetahui masalah sebenar yang dialami oleh anak remaja mereka. Tingkah laku seks sebelum nikah juga berkait rapat dengan pengalaman seseorang yang pernah melihat atau melakukan seks. Faktor pengalaman juga dapat mempengaruhi seseorang untuk melakukan seks lebih kerap apabila sudah mengalaminya. Masalah ini juga terjadi kerana responden kekurangan didikan agama. Jika didikan agama diserap dalam kehidupan responden sejak kecil oleh ibu bapa maka responden dapat menepis segala pengaruh negatif yang dapat mengelak mereka daripada terjerumus kepada seks luar nikah.

## **Rujukan**

- Azizi, Y, & Jaafar, S, L. (2005). *Membentuk Identiti Remaja*: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi, Y. (2008). Pembentukan personaliti remaja. *Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga*, 1-16.
- Bandura, A. (1973). Social learning theory of aggression. In J. F. Knutson (Ed.), *The control of aggression: Implications from basic research*. Chicago: Aldine.
- Bandura, A. 1977. *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Fauziah, A. R. (2003). *Permasalahan Remaja Dan Kaedah Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Pustaka Segar.
- Freud, S. (1956). *Three contributions to the theory of sex*. Dalam Mohd Makzan Musa. Psikologi Sosial. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Freud, S. (1962). The Ego and the Id W.W. Norton and Company, USA, 9-29
- Hashim b., Khairulhelmi K., Fahmi S. & Syafeq M. (2008). *Keruntuhan Akhlak Dan gejala Sosial Dalam Keluarga Dan Cabaran*. Dalam Seminar Kaunseling Keluarga, 30 Ogos 2008, Johor Bahru. Malaysia.
- Hashim B., Khairulhelmi, K., Mohd Fahmi, M.S. & Syed Mohamed Syafeq, S.M. (2008). Keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga; isu dan cabaran. Seminar Kaunseling Keluarga, 51-62.
- Kasimin, A. (2002). *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khalim, Z. (2004). Perbandingan Sistem Penalti & Konvensional dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah Menengah. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Meschke, L. L., Bartholomae, S. and Zentall, S. R. (2000). Adolescent Sexuality and Parent-Adolescent Processes: Promoting Healthy Teen Choices. *Family Relations*, 49, 143–154.
- Milles, M. B. & Huberman, A. M. (1984). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. University of Michigan. Sage Publications.
- Mohd Yusof, F. & Sugiman, S. (2011). Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks. *Journal of Education Psychology & Counseling*, volume 1 Mac 2011, Pages 94-114 / ISSN: 2231-735X
- Morris J., Young M., & Jones C. 2000. Self-Esteem and Adolescent Sexual Behavior Among Students at an EliteBolivian School. *The International Electronic Journal of Health Education*. 3(1), 36-4.
- Steinberg , L. ( 2001 ). We know some things: Adolescent-parent relationships in retrospect and prospect . *Journal of Research on Adolescence* , 11 , 1 – 20 .

- Thompson, B. (2008, April). Characteristics of parent-teacher email communication. *Communication Education*, 57(2), 201-223. doi:10.1080/03634520701852050
- Utusan Malaysia (2010). Remaja Hamil Luar Nikah. 16 September 2010.
- Zulkiffly, A. (2006). *Jenayah Seksual*. Mostagain Resources Publications.